

## TERENGGANU

# Peluang sambung Pengajian Sarjana, PhD buat penjawat awam

**KUALA TERENGGANU** - Pusat Pengajian Siswazah (PPS) Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) menawarkan peluang kepada penjawat awam seluruh negara untuk menyambung pengajian di peringkat pasca-siswazah secara separuh masa di Unisza.

Dekan Pusat Pengajian Siswazah Unisza, Profesor Dr Mustafa Mamat berkata, semua penjawat awam yang telah disahkan jawatan berpeluang menyambung pengajian di peringkat Sarjana dan PhD secara percuma, dengan pembiayaan yuran pengajian melalui MyBrain15 yang ditawarkan kerajaan.

Menurutnya, permohonan pembiayaan yuran pengajian secara separuh masa itu terbuka kepada penjawat awam bermula 5 Mei lalu dan akan berakhir 31 Julai ini.

"Program pengajian siswazah ditawarkan oleh 10 fakulti dan tiga pusat kecemerlangan iaitu Fakulti Informatik dan Komputeran, Fakulti Biosumber dan Industri Makanan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan, Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa, Fakulti Bahasa dan

Komunikasi, Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi, Fakulti Sains Sosial Gunaan, Fakulti Perubatan, dan Fakulti Sains Kesihatan.

"Manakala pusat kecemerlangan yang menawarkan program siswazah ialah Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI), Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam (INSPIRE) dan Institut Pembangunan Komuniti dan Kualiti Hidup (i-CODE)," katanya.

Maklumat lanjut berkenaan pembiayaan MyBrain15 untuk penjawat awam bagi program pengajian Sarjana dan PhD boleh didapati di laman web, [https://biasiswa.moe.gov.my/MyBrain15/v2/index\\_penjawat\\_awam\\_master.php](https://biasiswa.moe.gov.my/MyBrain15/v2/index_penjawat_awam_master.php) atau [https://biasiswa.moe.gov.my/MyBrain15/v2/index\\_penjawat\\_awam\\_phd.php](https://biasiswa.moe.gov.my/MyBrain15/v2/index_penjawat_awam_phd.php).

"Calon boleh membuat permohonan secara atas talian dan surat tawaran akan dikeluarkan segera bagi yang layak. Bagi pengajian siswazah secara sepenuh masa, calon boleh memohon biasiswa MyBrain15 yang ditawarkan kerajaan melalui Kementerian Pendidikan," katanya.